

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25

Bajet 2024, dijangka terus fokus perkukuh fiskal



Bajet 2024 dijangka terus fokus perkukuh fiskal

Kerajaan juga komited pastikan defisit belanjawan lebih terurus

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Bajet 2024 yang dijadual dibentangkan Parlimen pada 13 Oktober ini dijangka terus memberi tumpuan kepada pengukuhan fiskal, kata penganalisis.

Namun, kerajaan juga dijangka meneruskan rancangan perbelanjaan fiskal untuk menyokong pertumbuhan ekonomi pada 2024.

Menurut Affin Hwang Investment Bank dalam kemas kini ekonominya baru-baru ini, ia terutama membabitkan langkah untuk membantu sektor swasta mening-

katkan daya saing Malaysia.

Katanya, kerajaan juga akan komited memastikan defisit belanjawannya tahap lebih terurus.

"Seperti dinyatakan dalam media, kerajaan menyasarkan untuk mengurangkan defisit fiskalnya secara berterusan kepada 3.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang akhir 2025 dengan merasionalisasikan skim subsidiinya serta meningkatkan hasil.

"Dalam pada itu, susulan ketidaktentuan berterusan ekonomi global, dalam persediaan strategi untuk Bajet 2024, kami menjangka kerajaan mencadangkan langkah selanjutnya untuk menyokong permintaan dalam negeri.

"Kami percaya selain peruntukan lebih tinggi dalam perbelanjaan pembangunan, ada strategi dan insentif lain untuk menyokong ekonomi domestik, jika persekitaran luaran kekal tidak menggalakkan untuk per-

tumbuhan eksport," katanya.

Prestasi ringgit tidak menentu

Mengenai ringgit, bank pelaburan itu berkata, dalam kalangan ASEAN-5, mata wang Malaysia merosot paling banyak pada 2023 dari awal tahun hingga kini (YTD).

Katanya, sejak awal tahun, ringgit menyusut 4.4 peratus, melanjutkan penurunan 5.2 peratus tahun lalu.

"Ringgit menunjukkan aliran rendah berbanding dolar AS dan mata wang jiran seperti baht Thai, dolar Singapura dan peso Filipina yang susut nilai kurang satu peratus.

"Sebaliknya, rupiah Indonesia melantun semula 4.6 peratus pada tahun 2023 YTD, berikutan susut nilai mendadak 8.4 peratus dalam 2022.

"Dalam tempoh terdekat, kami percaya prestasi ringgit kekal tidak menentu sebagaimana Rizab Persekutuan (Fed) boleh

terus menaikkan kadar faedah dasarnya.

"Pada masa ini, Kadar Dana Persekutuan (FFR) AS kira-kira 2.25 peratus lebih tinggi daripada Kadar Dasar Semalaman (OPR) Malaysia dan 'spread' kadar faedah ini adalah yang terbesar sejak penggunaan OPR," katanya.

Affin Hwang Investment Bank berkata, dalam masa terdekat, pihaknya percaya ringgit dibebani dengan tekanan luar kerana pelabur mungkin lebih suka menyimpan dana dalam aset berdenominasi AS kerana tertarik dengan pulangan lebih tinggi dan kestabilan dolar AS sebagai mata wang selamat.

"Namun, dengan lebih akaun semasa Malaysia dan paras tukaran rizab asing yang sihat, kami menjangkakan ringgit mendapat sedikit kekuatan dan didagangkan pada RM4.45 hingga 4.50 satu dolar AS menjelang akhir 2023," katanya.